

Ruj. Kami: (2) MBPJ/090100/T/A6 Jld. 11  
Tarikh: 2 Oktober 2012

## KENYATAAN AKHBAR

### MBPJ LANCAR PJ CITY FOOD BANK

Bersempena dengan sambutan Hari Makanan Sedunia (*world food day*) pada 1 Oktober 2012 yang lalu, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) sekali lagi mengorak langkah dengan melancarkan projek "**PJ CITY FOOD BANK MBPJ**".

Idea pembangunan projek 'food bank' ini tercetus apabila satu pendekatan baru perlu diambil bagi mengurangkan masalah sisa buangan makanan yang sememangnya merupakan satu pembaziran memandangkan sebahagian besar sisa buangan tersebut terdiri daripada makanan yang masih elok dan boleh digunakan.

Oleh yang demikian, satu pendekatan dan strategi secara bersepodu perlu dilaksanakan bagi mengurangkan pembuangan sisa makanan di peringkat sumber, seterusnya meringankan bebanan dan kewangan MBPJ terhadap pengurusan sisa pepejal secara keseluruhan.

Konsep *food bank* ini dapat menggalakkan syarikat-syarikat perniagaan supaya menyertai dan menyumbangkan 'makanan yang berlebihan' kepada 'PJ CITY FOOD BANK', yang seterusnya diagihkan kepada kumpulan yang lebih memerlukan seperti anak-anak yatim, orang tua, orang miskin, rumah kebajikan dan sebagainya.

Projek pembangunan food bank ini dilaksanakan sebagai sebahagian daripada inisiatif local agenda 21 Petaling Jaya yang bertujuan mencapai pembangunan mampan menerusi usahasama dan penyertaan semua pihak berkepentingan.

Menerusi local agenda 21 Petaling Jaya, MBPJ bersama masyarakat telah mencapai *consensus* dalam melaksanakan pelbagai program kitar semula di bawah pelan tindakan pengurusan sisa domestik Petaling Jaya di bawah bab 21, agenda 21.

Inisiatif *food bank* ini juga telah mula diperkenalkan di luar negara seperti Amerika Syarikat, New Zealand, Australia dan lain-lain lagi.

Justeru itu bagi menjayakan projek *food bank* ini maka pihak majlis telah menyediakan sebuah van yang berfungsi sebagai kenderaan bagi mengambil dan menghantar makanan yang terlibat serta mempromosikan inisiatif projek '*PJ City Food Bank*' kepada orang awam serta seluruh warga Petaling Jaya dan rakyat Malaysia secara amnya.

Pihak majlis juga telah mendapat geran pembangunan sebanyak RM55 ribu dari Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) bagi menyediakan peralatan seperti penghawa dingin, microwave oven, peti sejuk dan lain-lain.

MBPJ juga telah menerima bantuan daripada Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal , KPKT yang telah membantu MBPJ untuk menjayakan program ini. MBPJ juga amat berharap agar lebih ramai syarikat korporat yang dapat tampil membantu majlis untuk menjayakan projek ini seterusnya membantu golongan yang kurang berkemampuan di bandaraya ini.

Ingin dijelaskan lagi, sebagai sebuah PBT peneraju MBPJ bukan sahaja melaksanakan *core business* sahaja malahan turut memberi tumpuan kepada pelbagai aktiviti kemasyarakatan, sukan dan melaksanakan tanggungjawab sosial kepada masyarakat.

Buktinya ialah penyediaan van transit oku, bas komuniti di Petaling Jaya Selatan dan Utara, skim rawatan percuma kepada warga emas dan oku. Justeru itu, penyediaan kemudahan ini dapat membantu warga Petaling Jaya yang kurang berkemampuan.

Diharapkan agar projek '*PJ CITY FOOD BANK*' ini dapat diteruskan lagi dengan penglibatan dari lebih banyak syarikat-syarikat pengeluar makanan.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media,  
Unit Perhubungan Awam,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Petaling Jaya City Council, twitter: pjcitycouncil, emel: [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my) Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

**Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi:Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, [zainun@mbpj.gov.my](mailto:zainun@mbpj.gov.my) atau Penolong Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar, 017-6946884, [ahmadiskandar@mbpj.gov.my](mailto:ahmadiskandar@mbpj.gov.my)**